

Abdullah: Laksana segera projek RMK-8

UM-7/2/2006

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 6 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa semua kementerian dan agensi supaya melaksanakan setiap projek yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dengan segera bagi membolehkan ia siap mengikut tempoh yang ditetapkan.

Justeru, Perdana Menteri meminta supaya projek berkenaan sentiasa dipantau bagi memastikan ia dilaksanakan dengan baik.

“Saya tak mahu nanti bila nak laksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kita terpaksa ambil masa yang terlalu banyak untuk selesaikan projek RMK-8.

“Ia mesti dilaksanakan dan tak boleh dilengahkan, oleh itu penting bagi setiap unit memastikan projek itu berjalan dengan baik dan pelaksanaannya dihabiskan.

“Saya harap tiada projek yang tergendala, maka jadi tugas dan tanggungjawab kita untuk pastikan semuanya berjalan dengan baik,” katanya.

Beliau berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Pada perhimpunan itu juga, Perdana Menteri mengingatkan semua kementerian supaya tidak menjadikan RMK-9 sebagai alasan untuk melengah-lengahkan kerja.

“Ketika ini pembentangan RMK-9 berjalan lancar. Namun ini tidak bermakna kita semua tak usaha apa-apa kerja pun,” katanya.

Dalam pada itu, beliau meminta supaya semua ketua kerajaan mengadakan kajian semula terhadap prosedur kerja masing-masing kerana ia merupakan satu langkah dalam penyediaan sistem perkhidmatan awam yang terbaik.

Kajian itu, katanya, akan memastikan

Saya harap tiada projek yang tergendala, maka jadi tugas dan tanggungjawab kita untuk pastikan semuanya berjalan dengan baik

ABDULLAH AHMAD BADAWI



ABDULLAH Ahmad Badawi berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Dataran Perdana, Putrajaya semalam. Turut sama pada majlis itu ialah Timbalannya, Mohd. Najib Tun Razak dan Mustapa Mohamed.

kelancaran bukan sahaja terhadap pelaksanaan projek malah meliputi perkhidmatan kepada rakyat.

“Bahagian keselamatan pula, yang bertanggungjawab terhadap hal berkaitan dengan membantu mangsa banjir umpamanya atau pun membantu apabila diperlu-

kan, maka elok juga mereka menjalankan kajian semula.

“Kita buat kajian semula kerana pihak berkuasa telah lama tidak melihat semula pelan kecemasan untuk disesuaikan dengan sesuatu keadaan termasuk dari aspek prosedur pembayaran wang,” katanya.

Dengan semua perancangan itu, beliau mengharapkan supaya setiap kerja akan menjadi lebih mudah bukan untuk Jabatan Perdana Menteri (JPM) sahaja malahan semua kementerian bagi membolehkan kerajaan mencapai hasil kerja yang terbaik.